

# MENYEMARAKKAN BUDAYA PENYELIDIKAN DALAM DUNIA ISLAM

Oleh: Prof. Dato' Dr. Zaleha Kamaruddin

"...Dalam ketenangan ada keresahan,  
dalam keresahan ada kekalutan,



dan dalam kekalutan ada DIA  
untuk mengadu & mengharap...

**D**alam konteks menyemarakkan budaya penyelidikan dalam dunia islam, persoalan asas yang perlu diperhalusi adalah, sudahkah universiti-universiti dalam dunia islam membudayakan penyelidikan? secara objektifnya, soalan ini sukar dijawab kerana tidak ada sandaran fakta yang tepat untuk mengatakan "ya" atau "tidak." yang pasti, tiada universiti dalam dunia islam yang tersenarai dalam kategori 100 universiti terbaik di dunia di mana penyelidikan dan output penyelidikan dikira sebagai salah satu kriteria penyenaaran. malah universiti terbaik di dunia arab, mengikut webometrics, iaitu universiti king saud hanya mendapat tempat ke-164 (lihat jadual 1). secara perbandingan, lihat pula senarai yang dikeluarkan oleh Times Higher Education Supplement (THES) (lihat jadual 2). dalam senarai ini, tiada langsung universiti dunia islam yang tersenarai dalam sepuluh tempat teratas. walau bagaimanapun, senarai the ini sering dipertikaikan oleh banyak pihak kerana hanya Universiti di United Kingdom (UK) dan Amerika sahaja yang mendapat tempat teratas.

**Jadual 1: Senarai Webometrics Universiti Terkemuka dalam Dunia Arab, 2009**

Kedudukan Benua	Nama Universiti	Negara	Kedudukan Dunia
1	Universiti King Saud	Arab Saudi	164
2	King Fahd University of Petroleum	Arab Saudi	178
3	Universiti King Abdul Aziz	Arab Saudi	291
4	Universiti Umm Al-Qura	Arab Saudi	681
5	Universiti An-Najah	Palestin	1,160
6	American University of Beirut	Lubnan	1,181
7	Universiti Emiriyah Arab Bersatu	Emiriyah Arab Bersatu	1,521
8	Universiti Kaherah	Mesir	1,604
9	American University in Cairo	Mesir	1,657
10	Universiti Kuwait	Kuwait	1,863

Sumber: Cybermetrics Lab CSI, [http://www.webometrics.info/top100\\_continent.asp?cont=aw](http://www.webometrics.info/top100_continent.asp?cont=aw)

Tetapi, sekiranya persoalan utama adalah mengenai penyelidikan yang khusus memberi penekanan kepada aplikasi Islam dalam kehidupan pada alaf ini, jawapannya sangat jelas – iaitu universiti di dunia Islam masih belum lagi membudayakan penyelidikan. Jurang yang luas antara pengetahuan dan pembangunan aplikasi dan kemajuan syariat yang berlaku di negara-negara Islam kini sangat memerlukan penyelidikan dipergiatkan dan disemarakkan. Malah, keadaan semasa mendesak universiti dan institusi penyelidikan untuk menyambung rantaian ilmu sedia ada dan membina kapasiti yang diperlukan bagi memenuhi maksud tersebut.

**Jadual 2: 10 Universiti Terbaik di Dunia 2009**

Kedudukan	Nama Universiti	Negara
1	Universiti Harvard	Amerika Syarikat
2	Universiti Cambridge	United Kingdom
3	Universiti Yale	Amerika Syarikat
4	University College London	United Kingdom
5*	Imperial College London	United Kingdom
5*	Universiti Oxford	United Kingdom
7	Universiti Chicago	Amerika Syarikat
8	Universiti Princeton	Amerika Syarikat
9	Massachusetts Institute of Technology	Amerika Syarikat
10	California Institute of Technology	Amerika Syarikat

Nota: \* berkongsi kedudukan

Sumber: Times Higher Education (THE)-QS,

<http://www.timeshighereducation.co.uk/hybrid.asp?tyjs&Cord=412>

Oleh itu, lima pendekatan dicadangkan untuk menyemarakkan budaya penyelidikan di universiti-universiti dunia Islam. Matlamat utamanya adalah untuk mengangkat kembali era kegemilangan ilmu pengetahuan yang pernah wujud satu masa dahulu.

### Pendekatan pertama: Menjalankan Penyelidikan yang diterajui oleh Permintaan

Dalam era liberalisasi ilmu kini, sewajarnya universiti dan institusi penyelidikan di dunia Islam melangkaui bidang pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan yang diterajui oleh permintaan akan membolehkan para penyelidik mencapai tahap kemampuan intelektual untuk menyalurkan sumbangan yang dapat memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat. Memimpin kajian berasaskan permintaan merujuk kepada kegiatan penyelidikan yang memberi tumpuan kepada penjana ilmu untuk mewujudkan pembangunan.

Sebagai contoh, dalam konteks perundangan Islam, melalui sistem penyelidikan berasaskan permintaan ini, penjana ilmu boleh menyebabkan potensi pembangunan Syariah dan pelaksanaannya dapat dilakukan dengan berkesan. Pergeseran dalam pelaksanaan perundangan Syariah di Malaysia, khususnya ke arah pembaikan sistem penyampaian pada waktu ini terutamanya dalam pengendalian kes-kes perceraian, sepatutnya memberikan penekanan yang lebih kepada aspek urustadbir yang baik (good governance) dan bidang kuasa yang lebih luas dengan tujuan untuk meningkatkan ketelusan dan pertanggungjawaban.


Penjana ilmu melalui cara ini juga boleh berlaku dengan mengarusperdanakan kajian yang berkaitan dengan penggubalan dasar, di mana keperluan masyarakat dan interaksi antara permintaan dan penawaran kajian ditekankan. Pemanfaatan pengetahuan dianggap sebagai unsur penting dari penjana ilmu tersebut.



Dalam era liberalisasi ilmu kini, sewajarnya universiti dan institusi penyelidikan di dunia Islam melangkaui bidang pengajaran dan pembelajaran.

### Pendekatan kedua: Membina Keupayaan dan Kemampuan Penyelidik

Bagi universiti dan institusi penyelidikan, proses membudayakan penyelidikan memerlukan ilmuwan yang berkemampuan (competent) dan persekitaran yang menyokong. Walaupun telah wujud kemajuan dalam penyelidikan dalam dua dekad terakhir ini, keupayaan penyelidikan di universiti-universiti dunia Islam tetap menjadi cabaran yang besar terutama bagi negara Islam yang miskin.



Pendekatan terbaik untuk membangunkan kapasiti penyelidikan dapat dilihat dan difahami dalam rangka pembangunan kapasiti yang lebih luas. Dengan demikian, peningkatan kapasiti penyelidikan boleh dilihat sebagai proses yang terus-menerus memperkasakan individu, institusi, organisasi dan negara bagi maksud seperti berikut:

- a. mendefinisi dan memberi keutamaan kepada masalah secara sistematik;
- b. mengembang dan menilai penyelesaian yang tepat; dan
- c. berkongsi maklumat dan melaksanakan pengetahuan yang dihasilkan.

Berbagai pendekatan yang saling melengkapi boleh diambil untuk membina kapasiti penyelidikan di peringkat yang berbeza. Idealnya, usaha-usaha perlu dibina pada setiap peringkat untuk menyumbang dalam sistem penyelidikan. Ini memerlukan peningkatan yang besar dalam pelaburan khususnya dalam bidang pendidikan di semua peringkat. Lebih penting lagi, penyelidikan dalam bidang tertentu ini hanya akan mempunyai kesan jika sepenuh perhatian diberikan untuk memastikan cadangan penyelesaian boleh diterima semua pihak.



### **Pendekatan ketiga: Mewujudkan Persekitaran yang Positif dan Menyokong**

Antara sebab-sebab pembudayaan penyelidikan jarang berlaku di universiti-universiti dunia Islam adalah kerana faktor aliran mobiliti penyelidik yang produktif dari negara-negara Islam tertentu. Penyelidik-penyelidik ini berhijrah ke negara-negara barat atau negara Islam yang kaya kerana peluang penyelidikan yang lebih baik iaitu dalam bentuk penyediaan geran atau dana penyelidikan yang besar selain daripada gaji yang tinggi. Kesannya, jurang ilmu pengetahuan antara negara Islam yang miskin dan kaya menjadi lebih meluas dan ini menimbulkan kesukaran melainkan usaha bersepadu menyelesaikan masalah ini dilakukan.

Untuk memastikan penyelidikan dalam dunia Islam disemarakkan, cabarannya bukanlah senarai panjang makalah yang diterbitkan dalam jurnal berprestij (untuk tujuan promosi, kenaikan pangkat atau menaikkan kedudukan universiti) tetapi sebenarnya, dalam bentuk galakan supaya ahli akademik diberi kebebasan mengkhusus dan mempunyai lebih autonomi untuk berkhidmat secara ikhlas kepada masyarakat sebagai jihad mereka.

### **Pendekatan keempat: Kepentingan Tanggungjawab Sosial**

Pendekatan alternatif kepada penjana ilmu pengetahuan ini perlu menekankan kepentingan tanggungjawab sosial yang lebih utama daripada tanggungjawab akademik. Pendekatan ini dicirikan oleh:

- a. dasar dan penyelidikan gunaan yang membahas keperluan masyarakat,

dan penyelesaiannya hendaklah dalam konteks aplikasi; "trans-disiplin" iaitu penyelidikan yang mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran dari pelbagai disiplin ilmu, serta sumber-sumber lain;

- b. perkongsian ilmu, di mana ilmuwan Islam bekerjasama dan berinteraksi dengan semangat ukhuwah yang jitu.

Penekanan terhadap pendekatan ini haruslah ke atas keperluan masyarakat dan interaksi antara permintaan dan penawaran penyelidikan, atau antara pengeluar dan pengguna ilmu tersebut. Salah satu ciri yang mendasari penyelidikan adalah agenda dan keutamaan. Penyertaan pihak yang berkepentingan akan mencerminkan keperluan masyarakat untuk penjana ilmu tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini belum tentu akan menjamin berlakunya penyelidikan yang sistematik kerana kadangkala, tuntutan yang dinyatakan oleh mereka yang memegang tampuk kuasa boleh menyebabkan berlaku pertentangan dengan kepentingan tertentu.


Namun, sekiranya pembinaan kapasiti penyelidik berlangsung dengan cara yang baik, ia akan membolehkan mereka memahami dan menggunakan budi bicara sendiri untuk menafsir maklumat yang perlu melalui interaksi secara langsung dengan masyarakat. Ini akan membolehkan penyelidik bersifat neutral bagi memudahkan perubahan yang positif berlaku dalam masyarakat.

**Penyertaan pihak yang berkepentingan akan mencerminkan keperluan masyarakat untuk penjana ilmu tersebut.**



### Pendekatan kelima: Pembiayaan Penyelidikan Melalui Cara "Hands-on"

Pendekatan secara "hands-on", di mana pembiayaan penyelidikan melalui geran program ijazah kedoktoran, pasca kedoktoran atau program "mentoring" diberi keutamaan. Ini merupakan pendekatan berkesan yang telah lama ditawarkan di kebanyakan universiti terkemuka dalam dunia Barat. Walau bagaimanapun, pendekatan yang dinyatakan ini sekiranya tidak dirancang dengan teliti akan menyebabkan para penyelidik terlatih itu berhijrah dan kesannya berlakunya masalah "brain-drain."



Di dunia Barat, pendekatan umum untuk meningkatkan kapasiti menubuhkan kumpulan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dilakukan dengan rancak sekali. Banyak pusat-pusat kecemerlangan dibangunkan di negara-negara maju dan pusat-pusat tersebut mendapat sokongan padu dari pelbagai sumber. Sebaliknya, negara-negara Islam, melalui universiti mereka masih belum dapat mengembangkan rangkaian akademik yang baik dan berkesan. Salah satu alasan yang diberikan adalah bahawa, meskipun pusat-pusat kecemerlangan boleh menawarkan kemungkinan untuk membina kapasiti, umumnya cara ini memerlukan dana antarabangsa yang cukup besar terutama untuk jangka masa panjang.

Antara faktor yang mematikan usaha penyelidikan di negara-negara Islam adalah akses kepada maklumat sains dan teknikal dan kurangnya penglibatan aktif dalam komuniti penyelidikan. Ini kerana jumlah ilmuwan yang kecil terutama di negara-negara Islam yang sedang membangun. Walau bagaimanapun, dengan era teknologi maklumat, seperti strategi "e-learning" yang boleh digunakan untuk berkongsi pengetahuan, mekanisma ini boleh diteroka dengan lebih serius lagi. Ini kerana dengan meningkatnya penggunaan internet untuk mendapat akses kepada maklumat, keperluan untuk mendidik masyarakat menjadi semakin penting.

Banyak pusat-pusat kecemerlangan dibangunkan di negara-negara maju dan pusat-pusat tersebut mendapat sokongan padu dari pelbagai sumber. Sebaliknya, negara-negara Islam, melalui universiti mereka masih belum dapat mengembangkan rangkaian akademik yang baik dan berkesan.

### Kesimpulan

Terdapat jurang pengetahuan yang besar akibat daripada kekurangan prasarana yang canggih untuk menyokong penyelidikan di universiti-universiti di negara-negara Islam berbanding di Barat. Oleh itu, sokongan yang kuat daripada universiti-universiti Islam terkemuka adalah diperlukan untuk membina kapasiti tersebut. Universiti adalah wadah penting yang boleh memainkan peranan dalam mempromosikan penyelidikan walaupun ada pembuat dasar yang menuduh penyelidik tidak relevan kerana menjalankan penyelidikan yang hanya disimpan di menara gading. Manakala penyelidik pula menuduh pembuat dasar lebih bergantung kepada kepakaran asing dan memanipulasikan hasil kajian.

Universiti yang komited untuk memantapkan sistem penyelidikan mereka harus melabur untuk memastikan bahawa sumber manusia dikembangkan. Pengalaman kebanyakan universiti menunjukkan bahawa perancangan yang baik hanya boleh dibuat selepas analisa keadaan semasa dilaksanakan. Pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa pula, analisa ini juga perlu merekodkan segala apa yang boleh dipelajari dari kejayaan dan kegagalan institusi-institusi penyelidikan yang telah mempunyai skim pembiayaan penyelidikan. Walaupun pembiayaan penyelidikan dilihat sebagai sesuatu yang sangat penting untuk menjalankan penyelidikan tetapi faktor itu sahaja tidak cukup untuk melonjakkan budaya penyelidikan. Visi yang disokong dengan kemahuan politik juga sangat diperlukan untuk memperbaiki keadaan sedia ada. 🌐